

14 DEC 2002

Samy-Air

TEROWONG SALUR AIR DARI PAHANG KE LEMBAH KLANG DIBINA TAHUN DEPAN

IPOH, 14 Dis (Bernama) -- Kerja pembinaan terowong sepanjang 37km untuk menyalurkan air dari Sungai Telemung di Bentong, Pahang ke Selangor dengan anggaran kos US\$1.5 bilion (RM5.7 bilion) akan bermula tahun depan, kata Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu.

Katanya, sebuah empangan besar dan loji pembersihan air akan dibina bagi membolehkan air yang sudah dirawat, disalurkan ke loji-loji takungan air di Gombak, Semenyih dan Hulu Langat.

"Kita pada mulanya bercadang membina dua empangan tetapi satu daripadanya mendapat bantahan beberapa pihak," katanya kepada pemberita selepas beliau dan Menteri Besar Perak Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali melancarkan penggambaran filem Tamil "Kathal Kisu-Kisu" (Gosip Cinta) di sini hari ini.

Samy berkata apabila terowong itu siap pada tahun 2007, ia dijangka dapat mengatasi masalah bekalan air di Lembah Klang dan dapat menampung kegunaan sehingga tahun 2020.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Tokyo dua hari lepas bahawa kerajaan Jepun telah meluluskan pinjaman untuk projek itu.

Pembinaan terowong itu dicadangkan berikutan krisis air yang melanda Lembah Klang pada tahun 1998.

Samy berkata, semua ujian tanah dan laporan teknikal oleh pakar-pakar dari Malaysia dan Jepun telah disiapkan.

"Kosnya tinggi kerana melibatkan pelbagai kepakaran dan kita juga perlu menggunakan pakar-pakar asing. Pinjaman yang kita minta daripada Jepun sebenarnya tidak terhad kepada projek air sahaja tetapi juga projek-projek lain," katanya.

Samy berkata, pembinaan terowong itu perlu kerana bekalan air untuk Selangor dan Kuala Lumpur yang sedia ada dan projek Sungai Selangor di Kuala Kubu Bharu hanya dapat menampung keperluan sehingga 2007.

Fasa pertama projek Sungai Telemung itu dijangka melibatkan penyaluran 1,500 juta liter air sehari mulai 2007 manakala fasa kedua bermula tahun 2010 akan melibatkan 2,260 juta liter sehari.

Samy berkata, jumlah sebenar air yang dapat disalurkan hanya dapat diputuskan selepas reka bentuk terowong itu disiapkan dan kos pembelian air dari kerajaan negeri Pahang ditetapkan.

-- BERNAMA

AR MAI